

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB LAKSAMANA PERTAMA
MOHAMAD IMRAN BIN ABD
HAMID (B)
(LUMUT)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan adakah Kementerian akan melaksanakan pencen veteran yang bersara sebelum tahun 2000 dengan kadar pencen veteran ATM yang bersara pada tahun 2013 memandangkan perbezaannya begitu ketara sedangkan mereka kini hidup pada abad yang sama dan menanggung sara hidup yang tinggi.

JAWAPAN:

Asas pemberian pencen kepada semua anggota perkhidmatan awam termasuk anggota tentera adalah tertakluk kepada jumlah gaji akhir yang diterima. Justeru, bagi menampung beban kos sara hidup yang meningkat setiap tahun, kerajaan telah meluluskan kenaikan pencen perkhidmatan sebanyak dua peratus (2%) setiap tahun mulai 1 Januari 2013. Selain itu, kerajaan juga telah menaikkan kadar pencen minimum daripada RM720.00 sebulan ke RM820.00 sebulan mulai bulan Januari 2012.

Penyelarasan pencen perkhidmatan untuk veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) akan turut melibatkan keseluruhan perkhidmatan awam dan ini akan melibatkan suatu perbelanjaan yang amat besar. Oleh itu, ia seharusnya melihat kepada keupayaan kerajaan untuk menanggung perbelanjaan tambahan ini.

Kerajaan dan Kementerian tidak pernah meminggirkan nasib golongan veteran ATM. Kerajaan juga pernah menyalurkan bantuan khas RM1,000.00 kepada veteran ATM tidak berpencen pada tahun 2012. Apa pun bantuan dalam bentuk kewangan kepada veteran ATM perlu diimbangi dengan kemampuan kerajaan untuk membayarnya.